



NOTIS IKLAN TENDER

(A)Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam Kelas dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut dan hendaklah mempunyai Pendaftaran yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Bil	No. Ruj. Tender/ Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub- Kepala, Jenis Tawaran	Yuran Doku- men (RM)	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
1	<u>DID/TN/D/45-03/2025</u> Sambungan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Kampung Kuala Hilir, Oya	Kelas C Kepala I Sub-Kepala 3a(ii) DAN Kepala IV, Subkepala 2(a) DAN Kepala I Sub- kepala 2(a)(i) atau 2(b)(i) (Terbuka)	100.00	09.04.2025 Rabu Sebelum jam 12pm

Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **25/03/2025 hingga 08/04/2025 (Bil. 1)** pada waktu pejabat di **Pejabat Jurutera Bahagian, Jabatan Pengairan dan Saliran, Bahagian Mukah, Tingkat 7, Menara Pehin Setia Raja, 96400 Mukah, Sarawak.**

Taklimat Tender/Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada **24.03.2025 (ISNIN), jam 9.00am.**

Tempat berkumpul: **DID Mukah, Tingkat 7, Menara Pehin Setia Raja, Mukah.**
Sila hubungi pejabat DID Mukah di talian 084-871761 utk pertanyaan lanjut.

Sila bawa bersama Sijil UPKJ dan Perakuan Pendaftaran CIDB, ASAL dan 1 SALINAN berserta satu (1) salinan kad pengenalan pemilik/wakil. **Sekiranya wakil yang menghadiri taklimat tender/lawatan tapak tersebut, sila bawa Bersama surat perwakilan kuasa yang telah ditandatangani oleh pemilik Syarikat/penama.** Hanya Kontraktor yang menghadiri Lawatan Tapak/Taklimat Tender dibenarkan mengemukakan dokumen tender.


Dokumen Tender (Bil. 1) hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat: **Pengerusi, Lembaga Tender Bahagian Mukah, d/a Pejabat Residen, Bahagian Mukah, Level 10, Menara Pehin Setia Raja, 96400 Mukah.**

2	<u>DID/TN/D/48-03/2025</u> Cadangan Kerja-Kerja Menyelenggara Jalan DID Di Skim Sekuduk Chupak, Bahagian Serian, Sarawak	Kelas E Kepala III Sub-Kepada 2d (Terbuka)	50.00	23.04.2025 Rabu Sebelum jam 12pm
---	---	---	-------	---

Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **24/03/2025 hingga 22/04/2025 (Bil. 2)** pada waktu pejabat di **Pejabat Jurutera Bahagian, Jabatan Pengairan dan Saliran, Bahagian Serian, Tingkat 3 (Sayap Kiri), Pusat Pentadbiran Kerajaan Sarawak, Jalan Pengarah Rahun Debak, 94700 Serian, Sarawak.**

Dokumen Tender (**Bil. 2**) hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat: **Pengerusi, Lembaga Tender Bahagian Serian, d/a Pejabat Residen, Bahagian Serian, Tingkat 4 & 5, Pusat Pentadbiran Kerajaan Sarawak (Bahagian Serian), Jalan Pengarah Rahun Debak, 94700 Serian.**

1. Dokumen Tender (**Bil. 1 – 2**) hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran UPKJ dan Surat Kuasa (Authorised Letter) sebagai wakil syarikat/firma yang ditandatangani oleh Pengarah/Pemilik Syarikat/Firma tersebut dan Sijil Asal Pengiktirafan Status Bumiputera (Jika Berkenaan) untuk tujuan pembelian dokumen tender sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak. Sila bawa juga bersama 1 SALINAN Sijil Pendaftaran tersebut dan kad pengenalan Pemilik atau wakilnya.
2. Bayaran yuran Dokumen Tender (**Bil. 1 – 2**) hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atau **Aplikasi S PAY GLOBAL** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
3. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen tender pada hari tender ditutup.
4. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan. Kementerian/Jabatan tidak akan bertanggungjawab sekiranya Petender gagal/lewat untuk mengemukakan Dokumen tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.
6. Notis ini juga boleh dilihat di <https://did.sarawak.gov.my> dan <http://www.etendernotice.sarawak.gov.my>


.....
(DATU Ir. Ts. AHMAD DENNEY BIN HAJI AHMAD FAUZI)
Pengarah Pengairan dan Saliran
SARAWAK